

SAMUDERA



BAJET 2019-PENDIDIKAN

PILIHANRAYA KAMPUS

USAHAWAN MUDA UMT



ISSN 2229-8363



9 771985 851000

SLOGAN UMT

*Terokan Seluas Lantan,
Demi Kelestarian Sejaht*



PENAUNG

Naib Canselor UMT

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar



PENASIHAT

Timbalan Naib Canselor HEPA

YBhg. Profesor Ts. Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali



EDITOR PENGURUSAN

Pengarah PPHKP

Dr. Izan Binti Dato' Haji Jaafar



KETUA PENGARANG

MPP Exco Publisiti dan Penerbitan

Siti Zaharah Binti Mahizi



TIMBALAN KETUA PENGARANG

MPP Exco Teknologi dan Multimedia

'Aqilah Najwa Binti Mohd Nazri



PEMBACA PRUF

MPP Setiausaha Kehormat


Noor Adilatul Husna Binti Arfee



PEREKA

MPP Exco Publisiti dan Penerbitan

Siti Zaharah Binti Mahizi



JURUFOTO

MPP Exco Kelestarian Kampus

Nurul Fasiah Binti Ismail

WARTAWAN

Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

Nursabarina Binti Shamsuddin

Tengku Nuriah Binti Tengku Abdul Rahman

Nurul Fasiah Binti Ismail

Nur Elia Nadhira bt Mohd Asmadi

Noor Saiyidah Bt Mohd Nordin

Mohamad Syakir Zufairy

Siti Munirah binti Awang

Sahabat Yadim UMT

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Kandungan



- 04 TERIMA KASIH WARGA UMT DARIPADA MPP 17/18
- 05 BAJET 2019- PENDIDIKAN TINGGI
- 08 PILIHAN RAYA KAMPUS 2018/2019
- 09 USAHAWAN MUDA UMT- HASHCREAMM
- 10 CATUR BUKIT KUTU
- 12 EPIC 2018 MAPEM
- 13 THE ROTH CHARITY
- 15 THE MAJESTIC OF GO GREEN GO HEALTH
- 18 TERBANG LEBIH JAUH BERSAMA PERKIM
- 20 UNIVERSITY TURTLE SEA AND AWARE (UTUSEA 2018)
- 22 YSS DI VIETNAM 2018
- 24 MISI KEMANUSIAAN DI KEMBOJA
- 26 SIAPA NISHA AYUB? - JOM KENALI
- 28 SPEAKER'S CORNER @ UMT
- 29 AYUH SERTAI UMT CREW
- 30 KEMBAIKAN LOMPAT TALI
- 31 ADAB MENUNTUT ILMU
- 32 IKUTI LAMAN SOSIAL

LIKE AND FOLLOW US ON



penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt

**IKHLAS DARIPADA
BARISAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
SESI 2017/2018**

JANUARY

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	3	4	5	
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

FEBRUARY

S	M	T	W	T	F	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28		

MARCH

S	M	T	W	T	F	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
						31

APRIL

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

MAY

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	3	4		
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

JUNE

S	M	T	W	T	F	S
						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
						30

JULY

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

AUGUST

S	M	T	W	T	F	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
						31

SEPTEMBER

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

OCTOBER

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	3	4	5	
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

NOVEMBER

S	M	T	W	T	F	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

DECEMBER

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

**TERIMA
KASIH
WARGA
UMT**



Belanjawan 2019

INISIATIF BERKAITAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DANA WIBAWA TVET - RM30 JUTA
BOOTCAMP TVET ANAK MUDA - RM20 JUTA

BIASISWA DAN PINJAMAN - RM3.8 BILION
(TERMASUK BIASISWA MARA – RM2 BILION)

PEMBANGUNAN PROGRAM LATIHAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI - RM206 JUTA

POTONGAN CUKAI UNTUK DERMA KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN

BANTUAN PENDIDIKAN BAGI BEKALAN MAKANAN, BUKU TEKS DAN BANTUAN TUNAI BAGI GOLONGAN MISKIN - RM2.9 BILION

MEMPERKASA AKTIVITI PENYELIDIKAN DI IPT - RM400 JUTA (TERMASUK PROGRAM MyPAIR – RM30 JUTA)

NAIK TARAF INFRASTRUKTUR SEKOLAH – RM652 JUTA

BINAAN SEMULA SEKOLAH DAIF - RM100 JUTA

5 STRATEGI PASTIKAN PTPN KEKAL MAMPAN TERMASUK:

- Pelepasan cukai kepada syarikat membantu selesaikan baki pinjaman pekerja
- Pelepasan cukai pendapatan individu bagi Skim SSPN dinaikkan kepada RM8,000
- Potongan pinjaman kepada pelajar keluarga B40 yang mendapat keputusan kelas pertama

7

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2019

12 INISIATIF

PENDIDIKAN BAGI MASA HADAPAN YANG LEBIH BAIK

Kementerian Pendidikan diperuntukkan

RM60.2 BILION

merupakan penerima terbesar bagi tahun 2019

f KemPendidikan | kpmsspofficial | KPMSPT | kpm_pendidikanlinggi | KPMSPT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2019

INISIATIF KELIMA


Membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti

RM206 JUTA

POLITEKNIK MALAYSIA

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

f KemPendidikan | kpmsspofficial | KPMSPT | kpm_pendidikanlinggi | KPMSPT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2019

INISIATIF KEENAM

Program Bootcamp berkaitan TVET bagi meningkatkan kompetensi belia

RM20 JUTA

TVET MALAYSIA
Memperkasakan Rakyat • Memajukan Negara

KemPendidikan kpmsploofficial KPMSPT kpm_pendidikantinggi KPMSPT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2019

INISIATIF KEENAM

Dana Wibawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang lebih kompetitif dan memenuhi keperluan industri

RM30 JUTA

TVET MALAYSIA
Memperkasakan Rakyat • Memajukan Negara

KemPendidikan kpmsploofficial KPMSPT kpm_pendidikantinggi KPMSPT

#MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2019

INISIATIF KETUJUH

AKTIVITI PENYELIDIKAN DI IPT

RM400 JUTA

Termasuk geran padanan Program Malaysia Partnerships and Alliances In Research (MyPAIR) bernilai **RM30 JUTA**

KemPendidikan kpmsploofficial KPMSPT kpm_pendidikantinggi KPMSPT

INISIATIF KELAPAN

BIASISWA dan **PINJAMAN PELAJARAN MARA**, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan dengan peruntukan **RM3.8 Bilion**

RM2 Bilion khusus kepada pelajar bumiputera tajaan MARA

ABAHARU

INISIATIF KESEMBILAN

Bagi melahirkan 600 akauntan Bumiputera yang bertauliah dan berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA)

RM 17.5 JUTA peruntukan diberi

bagi tempoh lima tahun kepada Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC)

INISIATIF KESEPULUH

Agenda pemeraksanaan Bumiputera melalui Program Peneraju Tunas, Program Peneraju Skil dan Program Peneraju Profesional yang akan dikendalikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

RM210 JUTA



PILIHANRAYA KAMPUS UMT

Pilihanraya Kampus (PRK) adalah proses pemilihan pemimpin pelajar yang dilaksanakan di semua Universiti Awam (UA) setiap tahun. Namun, pada tahun ini pelaksanaan PRK adalah oleh pelajar

Majlis Perwakilan Pelajar di UA berperanan mewakili suara, pandangan dan hasrat pelajar dalam pelbagai hal kepada sesebuah UA berkenaan.

Pihak pengurusan UA disarankan agar turut membantu dalam penyediaan prasarana serta bimbingan bagi menjayakan pelaksanaan PRK tersebut.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) akan membawa semangat autonomi dengan kebebasan bersuara sepenuhnya, berpolitik dan berpersatuan dalam memperjuangkan hal ehwal pelajar, kebajikan, akademik, politik mahupun aktiviti tanpa keterlibatan pihak pengurusan UA.





PERNIAGAAN AISKRIM USAHAWAN MUDA UMT MENDAPAT SAMBUTAN

Kuala Nerus, 5 Sept. Kegigihan dan sikap tidak mengenal erti putus asa menjadikan Mohd Maliki Mohd Noh, pelajar tahun tiga jurusan Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya menjadikan perniagaan aiskrim yang diusahakan beliau secara separuh masa sepanjang berada di kampus dikenali dan mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada pelajar di kampus.

Menurut Mohd Maliki, minat mula timbul apabila beliau menganggotai Koperasi Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu Berhad atau dikenali KOSISWA UMT Berhad. Tambahan pula, beliau menerima geran berjumlah RM3500.00 apabila memenangi program Usahawan Perantis anjuran Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC), UMT.

“Ilmu memproses aiskrim saya perolehi daripada sepasang warga emas yang sudah berpengalaman dalam bidang pembuatan aiskrim hampir selama 30 tahun. Kelengkapan seperti mesin memproses aiskrim, tong insulasi, peti beku dan sebagainya dibeli dengan modal yang telah dikumpul. Perniagaan itu dijalankan mengikut permintaan pelanggan yang mengadakan majlis kenduri atau sukaneka di beberapa daerah seperti di Pasir Puteh, Pasir Mas dan Kota

Bharu. Memandangkan saya masih lagi menuntut di UMT, saya akan berulang alik dari kampus di Gong Badak ke Kelantan setiap hujung minggu untuk memproses aiskrim bagi memenuhi tempahan majlis di sekitar Kelantan”, ujar beliau lagi. Jumlah purata pendapatan beliau adalah di antara RM2000 sehingga RM3500 sebulan dan ianya akan berganda apabila musim perayaan contohnya Hari Raya Aidilfitri.

Ini menjadikan hujung minggu beliau sentiasa padat dengan aktiviti yang berfaedah. Walaupun sibuk dengan perniagaan aiskrim, aspek pelajaran tidak diabaikan dan beliau akan membahagikan masa dengan sebaiknya bagi memastikan cita-cita beliau untuk menjadi usahawan yang berjaya satu hari nanti. Sokongan keluarga dan rakan seperjuangan turut memberi keyakinan kepada Mohd Maliki untuk beliau menggapai impiannya.



Disediakan oleh:

Tengku Nuriah Binti Tengku Abdul Rahman

CATUR BUKIT KUTU



Disediakan oleh:
Nurul Fasihah Binti Ismail



Kelab Catur UMT Sesi 2017/2018 telah mengadakan program Kembara Catur 2.0 pada 05-07 April 2018 yang bertempat di Bukit Kutu, Kuala Kubu Baru, Selangor. Program ini melibatkan seramai 40 orang pelajar UMT termasuklah Majlis Tertinggi dan Exco Kelab Catur UMT Sesi 2017/2018 dan juga Penasihat Kelab Catur UMT iaitu Prof Madya Dr. Mohd Pouzi Bin Hamzah. Program ini adalah bertujuan mendedahkan pelajar dengan suasana hutan dan juga untuk mendidik sikap kerjasama dalam berpasukan terutamanya kepada ahli kelab dan tidak terikat dengan aktiviti dalaman sahaja. Secara tidak langsung, program kembara catur ini telah memberi peluang kepada ahli kelab catur untuk menimba ilmu tentang cara iktihar hidup di dalam hutan jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Program Kembara Catur 2.0 adalah kesinambungan bagi Kembara Catur 1.0 yang bertempat di Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan tahun lalu, pada 27-29 April 2017.

Aktiviti Pendakian Ahli Kelab Catur UMT di Bukit Kutu dan Gunung Datuk



EPIC 2018



THE 3RD EDUCATIONAL PROJECT OF INNOVATION COMPETITION (EPIC) 2018

Pertandingan ini telah disertai oleh empat (4) kategori iaitu kategori sekolah rendah, kategori sekolah menengah, IPT dan Industri. Program ini merupakan program yang memberikan ruang kepada para pelajar dan mereka yang berada di industri untuk berkongsi idea melalui persembahan rasmi dan sesi interaktif.

Seramai 16 orang pelajar Tahun 3 daripada Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) telah menyertai THE 3RD EDUCATIONAL PROJECT OF INNOVATION COMPETITION (EPIC) 2018 yang telah diadakan di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu.

Mereka telah dipecahkan kepada empat (4) kumpulan iaitu kumpulan pertama Mariner's Fantasy (Interactive learning tools) di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Noorul Shaiful Fitri Bin Abdul Rahman. Mereka telah memenangi Piala Emas dalam pertandingan ini.

Kumpulan kedua pula dibawah seliaan Encik Madzli Bin Harun, dimana mereka turut berjaya memenangi Piala Emas untuk inovasi mereka, Halal Catering. Seterusnya, kumpulan ketiga iaitu Drive State Sensor di bawah seliaan Dr. Nurul Haqimin Bin Mohd Salleh telah memenangi Piala Gangsa. Manakala, kumpulan terakhir adalah Double Deckport, turut dibawah

seliaan Prof.Madya Dr. Noorul Shaiful Fitri Bin Abdul Rahman yang berjaya memenangi Piala Gangsa dalam pertandingan ini.

Kami berharap agar lebih ramai pelajar melibatkan diri di dalam program seperti ini dalam mengetengahkan idea baru dan lebih kreatif pada masa hadapan. Tahniah diucapkan kepada kesemua kumpulan kerana berjaya memenangi anugerah didalam pertandingan ini.

Disediakan oleh:
Nursabarina Binti Shamsuddin



THE ROTH CHARITY

Disediakan oleh: Kelab Kemasis

Kelab Kebudayaan Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) telah mengadakan program "The Roth Charity" yang dijalankan di sekitar bandar Kuala Terengganu.

Program yang diadakan ini bertujuan untuk memberikan sumbangan ikhlas kepada golongan yang kurang berkemampuan terutamanya golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal bagi meringankan sedikit sebanyak bebanan yang mereka hadapi. Selain itu, program The Roth Charity ini juga bertujuan untuk menerapkan rasa simpati, prihatin, kasih sayang, dan tolong-menolong terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini.

Program ini telah dijalankan bermula pada pukul 4 petang sehingga 7 petang. Seramai 26 orang sukarelawan yang terlibat berkumpul di kompleks sukan Universiti Malaysia Terengganu dan kemudiannya bertolak ke



bandar Kuala Terengganu dengan menaiki bas. Setibanya di bandar Kuala Terengganu, sukarelawan dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk memudahkan proses pengagihan barangan keperluan tersebut.

Antara barangan yang disumbangkan ialah makanan, air mineral, selimut, pakaian, dan selipar yang mana pakaian-pakaian tersebut merupakan sumbangan yang diberikan oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu sendiri. Selain itu, sumbangan berbentuk wang ringgit juga telah diberikan oleh beberapa pihak yang mana wang tersebut amat membantu dalam meringankan beban mereka.

The Roth Charity merupakan satu program kebajikan yang julung kalinya diadakan pada 2017 dan diteruskan pada tahun ini berdasarkan keprihatinan kelab KEMASIS terhadap isu gelandangan yang semakin menular disebabkan oleh faktor seperti masalah ekonomi, kemiskinan, dan permasalahan psikologi. Kebanyakan daripada mereka bertekad untuk memilih kehidupan sebegitu kerana ia merupakan penyelesaian kepada permasalahan kehidupan yang dihadapi walaupun menyedari ianya bukanlah suatu bentuk kehidupan yang baik.

Program ini berjaya dilaksanakan atas usaha dan kerjasama yang diberikan oleh kesemua ahli jawatankuasa dan sukarelawan yang terlibat di dalam program ini. Bukan itu sahaja, kerjasama yang diberikan oleh staf dan para pelajar Universiti Malaysia Terengganu dalam memberikan sumbangan berbentuk wang ringgit dan pakaian amat membantu dalam menjayakan program ini.

Justeru, pengarah program bagi



program The Roth Charity ini mengharapkan agar program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang agar masalah yang berkaitan dengan isu ini sedikit sebanyak dapat diatasi. Beliau juga mengharapkan agar dengan adanya program seperti ini, ianya mampu menyuntik semangat baru dan mampu membantu memulihkan pemikiran mereka dalam menjalani kehidupan seharian agar tiap lapisan masyarakat di Malaysia dapat menikmati kesejahteraan sosial.



THE MAJESTIC OF GO GREEN GO HEALTH UMT X UNISZA

Disediakan oleh: Nur Elia Nadhira bt Mohd Asmadi



Dataran Datuk Pendekar, Kg Banggol Tok Esah, Manir Terengganu. Buat pertama kalinya kelab HEVOTECH (PPSTM, UMT) berkolaborasi dengan DIAGSA (FSK, UNISZA) menjayakan satu program iaitu Go Green Go Health yang bermottokan "Great Work Comes From A Great Hand To Serve People" dimana ianya lebih memfokuskan kepada memberi khidmat kepada komuniti setempat. Program ini juga dibantu dan disokong sepenuhnya oleh En. Md Fauzi bin Mustafa, Penyelaras I-MiTS Dun Buluh Gading dan segala kakitangan I-MiTS.



Go Green Go Health ini telah dirasmikan oleh YB Adun Teluk Pasu, YB Hj Ridzuan bin Hashim dan program ini juga kian dimeriahan dengan kehadiran Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah PPHKP UMT, Dr Izzan bt Dato' Jaafar, Timbalan Dekan Hepa UniSZA, Dr. Wan Nurfarahin bt Wan Osman, Dekan Fakulti Sains Kesihatan UniSZA, Prof. Dr. Sakinah bt Harith, penasihat Hevotech, Dr Fauziah bt Tufail Ahmad dan juga penasihat Diagsa, Dr Azmahani bt Abdullah.

Program ini adalah sebagai salah satu bentuk perkongsian/pemindahan ilmu dan juga sebagai medium untuk

memeriksa tahap kesihatan yang dijalankan khusus oleh pelajar PPSTM dan FSK yang mengkhusus dalam bidang Sains Agroteknologi dan juga Sains Kesihatan, kepada masyarakat komuniti setempat. Memandangkan kelab Hevotech adalah kelab yang dianggotai oleh para pelajar Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman), adalah sangat bermanfaat jika ilmu yang dikongsi adalah berkenaan dengan bidang yang berkaitan. Begitu juga bagi Persatuan Pelajar Bioperubatan (DiagSA) yang dianggotai oleh para pelajar Sarjana Muda Sains Bioperubatan Dengan Kepujian yang begitu mahir dalam bidang perubatan serta kesihatan

Program Go Green Go Health yang diketuai oleh Raja Mohd Muzzaqhir bin Raja Maruwi ini bersama seramai 46 orang ahli jawatankuasa telah mendapat pelbagai respon yang positif daripada YB Hj Ridzuan bin Hashim, vip-vip yang turut hadir dan juga para peserta dan pengunjung program. Keistimewaan program gabungan UMT dan UniSZA ini adalah khidmat derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma, pertunjukan silat, demo kebakaran daripada APAM, demo kecemasan CPR, pelbagai pertandingan seperti mewarna, belon air, kerusi berirama, bola beracun, penalty kick, gubahan recycle, tarik tali dan pelbagai lagi. Di

dalam program ini juga pihak penganjur telah menyediakan sebanyak 50 buah cabutan bertuah untuk dimenangi, cenderahati untuk 150 terawal mendaftar, pelbagai jualan dan juga pameran ilmiah yang amat menarik daripada Jabatan Kesihatan, Kelab Hevotech, DiagSA, dan Integra. Program ini juga telah menarik pengunjung seramai lebih 650 orang daripada Kg Banggol Tok Esah, Kg Banggol Peradong, Bukit Gutom dan juga kampung-kampung sekitar.

Selain itu, para pengunjung juga disediakan dengan ceramah-ceramah ilmiah iaitu Jana Pendapatan Dengan Pertanian oleh Prof. Madya Dr Shamsul Bahri bin Abd Razak daripada UMT dan Misi Genki: Gaya Hidup Sihat oleh Dr Azmahani bt Abdullah daripada UniSZA. Melalui slot ceramah ini, komuniti setempat dapat membuka mata dan berpandangan luas tentang penjaan pendapatan moden dalam sektor pertanian dan juga meneliti cara dan gaya hidup sihat yang diamalkan oleh warga Jepun.

Diharapkan program sebegini dalam lagi dilaksanakan lagi oleh kelab-kelab di bawah UMT dan UniSZA kerana selain mahasiswa/i belajar, mereka juga mampu mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dan berkongsi ilmu tentang sesuatu bidang itu sekali gus dapat menarik minat anak-anak muda kampung untuk meneruskan pengajian yang diminati di dalam UMT dan juga UniSZA. Sama-sama kita manfaatkan ilmu yang kita pelajari dan mari berkongsi ilmu dengan komuniti.



TERBANG LEBIH JAUH

Disediakan oleh:
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi



Sedim – Pusat Islam Sultan Mahmud terus memperkasakan sayapnya agar dapat terbang lebih jauh. Sayap yang terdiri daripada 6 tunjang Sahabat Masjid, Ilhaam, My Usrah, Muslim Youth Volunteer, Sahabat YADIM dan PERKIM UMT telah bersatu dalam program Training of Trainer PISM yang julung kali diadakan di Sedim Rainforest Resort, Kulim, Kedah Darul Aman.

Program yang berlangsung pada 5 hingga 7 Oktober 2018 ini telah berjaya membentuk kesatuan dan keluarga PISM dalam usaha melestarikan gerakan merakyatkan dakwah Islamiah bagi warga Universiti Malaysia Terengganu.

Berfokus kepada gerak kerja, TOT kali ini juga diwarnai dengan pelan rancangan bagi setiap sayap. Perbincangan bersama penasihat sayap dan pegawai PISM serta dibantu dengan padu oleh pengarah PISM telah menjernihkan lagi hala tuju setiap sayap.

Antara aktiviti yang berjaya menambat deria peserta pada TOT kali ini ialah Water Tubing yang bertaraf antarabangsa. Pengalaman melalui rintangan air sungai yang deras secara berseorangan secara tidak langsung melatih peserta mengatasi ketakutan dan mempergagahkan keberanian dalam diri. Diserikan bersama pengisian yang memperkukuhkan lagi persaudaraan antara pimpinan 6 sayap ini dengan slot-slot yang menguji minda dan ketangkasan seperti Eklorasi Rimba, Debat Subuh, Perang Istana dan sebagainya.



Follow us on Instagram



Ikuti perkembangan Pusat Islam Sultan Mahmud dan 6 sayap di Instagram:

Pusat Islam Sultan Mahmud:
pusat_islam_sultan_mahmud

Sahabat Masjid:
sahabatmasjidumtofficial

Ilhaam:
ilhaam_umt

My Usrah:
myusrah_umt

Muslim Youth Volunteer:
myvumt

Sahabat YADIM:
sahabatyadimumt

PERKIM UMT:
perkim_umt



UNIVERSITY TURTLE AND SEA AWARE (UTUSEA)



Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), PPPPM, UMT telah mengadakan program Program University Turtle and Sea Aware (UTUSEA) pada 24 September 2018 (Isnin) sehingga 21 Oktober 2018 (Ahad). Program ini telah dirasmikan oleh Ybng. Prof Dr. Mohd Shaladdin Muda, Dekan Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim UMT. Program ini melibatkan 20 orang pelajar tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) secara sukarela bertujuan untuk membina replika Penyu belimbing sepanjang 2 meter dengan menggunakan bahan plastik dan tali terpakai, buluh serta dawai. Program ini memberi kesedaran kepada pelajar dan masyarakat tentang kepupusan hidupan Penyu serta meningkatkan lagi pengetahuan dalam penjagaan hidupan laut dan alam sekitar.





Antara aktiviti yang dijalankan seperti mempromosikan program UTUSEA melalui media sosial dan poster untuk mencapai pengutipan 2000 batang pen. Kutipan pen dijalankan selama seminggu daripada pelajar-pelajar UMT, 5 buah Sekolah Menengah di kawasan Terengganu, komuniti setempat serta kerjasama dari PSU Pattani, Thailand. Di samping itu, aktiviti bengkel dengan kerjasama wakil pihak SEATRU, UMT diadakan pada 3/10/2018 (Rabu) bagi memantapkan lagi program ini. Pembinaan replika penyu belimbing dijalankan setiap minggu pada hari Rabu dan Khamis dan pembikinan Vlog turut dirakamkan sepanjang program untuk mempromosikan program ini.

Bahagian penting dalam Program University Turtle and Sea Aware (UTUSEA) ini dimana ianya merupakan satu platform untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) menimba pengalaman serta menonjolkan lagi kemahiran yang telah mereka pelajari dalam bidang pengurusan disamping membudayakan semangat kerja berpasukan, meningkatkan sosialiti luar dan mengamalkan daya pemikiran kritis, kreatif serta dapat menyelesaikan masalah secara rasional sepanjang program berlangsung.

YSS-ASEAN STUDENTS VOLUNTEER MISSION GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN GSVG VIETNAM 2018



Pada 11 Julai-15 Ogos 2018, dua orang mahasiswa UMT telah terpilih untuk mengikuti misi sukarelawan di bawah Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Mahasiswa tersebut ialah Siti Munirah binti Awang (Sarjana Muda Pengurusan Maritim) dan Aizat bin Adnan (Sarjana Muda Sains Komputer Informatik Maritim). Kedua-dua mahasiswa ini ditempatkan di daerah yang berbeza iaitu An Phu Dong Secondary School, District 12 (Siti Munirah) manakala Binh Chanh District (Aizat bin Adnan). Objektif misi ini adalah untuk melahirkan seorang pemimpin sukarelawan yang bertaraf global serta melahirkan mahasiswa yang holistik. Hasil daripada misi ini ialah ianya telah memberi satu pendedahan baru yang membuka minda para mahasiswa tentang konsep sebenar sukarelawan serta memberi satu suntikan semangat yang baru untuk terus membantu masyarakat dalam negara mahupun global. Selain itu, memberi inspirasi kepada ramai pelajar untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam kerja sukarelawan.





Aktiviti- aktiviti kesukarelawan di Vietnam seperti, proses membuat jalan raya dan memberi pendedahan teknologi maklumat kepada kanak-kanak di Vietnam

Disediakan oleh: Siti Munirah binti Awang

MAHASISWA UMT SAMBUT AIDILADHA DI KEMBOJA



Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Untuk makluman pembaca, saya merupakan pelajar jurusan kaunseling tahun 2 di Universiti Malaysia Terengganu yang diberi nama Mohamad Syakir Zufairy bin Mohamad telah menyertai satu aktiviti kesukarelawan antarabangsa iaitu Misi kemanusiaan Korban dan Aqiqah di Kemboja di bawah anjuran Kelab Event Management Club (EMAC) UMT dengan kerjasama daripada NGO Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS). Misi sukarelawan ini berlangsung selama 6 hari dan bermula pada 20 Ogos hingga 25 Ogos 2018. Seramai 12 orang sukarelawan dari UMT menyertai misi ini. Tidak ramai bukan? Akan tetapi kami tetap meneruskan misi ini sehinggalah berjaya mengagihkan beberapa sumbangan seperti selipar, pakaian-pakaian terpakai, serta dapat menyumbang mencari beberapa ekor lembu untuk di korbankan semasa hari raya Aidiladha tersebut. Rombongan ini turut disertai oleh pengiring kami daripada UMT iaitu En. Mohd Zulkifli Bin Abdul Aziz dan isterinya.

Untuk menjalankan aktiviti sukarelawan ini, kami para sukarelawan telah mengambil masa beberapa bulan untuk mencari kutipan dana serta menawarkan kempen korban di Kemboja dengan harga yang rendah kepada warga UMT dan seluruh rakyat Malaysia. Ini merupakan misi kali kedua saya menyertai sukarelawan di Kemboja ini. Pada tahun ini, kami tidak bergerak dengan team UMT saja, tetapi kami bergabung dan bekerjasama juga dengan team sukarelawan daripada Universiti Islam Sains Malaysia (USIM). Dengan adanya gabungan daripada dua organisasi kelab dari Universiti ini, ianya terus memberikan impak yang cukup hebat dan mantap sepanjang misi ini berlangsung.

Kami berlepas dari KLIA pada 20 Ogos 2018 pada jam 11.30 pagi dan tiba di sana lebih kurang pada jam 1.15 tengahari. Tiba di sana kami di sambut oleh beberapa orang sukarelawan daripada Ngo

Asas dan terus bergerak menaiki bas untuk pergi ke tempat penginapan yang di sediakan. Tiba saja di sana, kami semua terus mengangkat dan mengeluarkan kesemua barang-barang sumbangan yang telah di amanahkan kepada kami oleh rakyat Malaysia agar sumbangan yang di hulurkan ini sampai dengan selamat kepada penduduk di kampung kemboja ini. Pada malam hari pula, kami sukarelawan daripada Umt dan Usim telah bekerjasama dalam menjayakan aktiviti yang diberi nama “Wayang Pacak”. Aktiviti ini di jalankan di belakang masjid berdekatan yang memfokuskan kepada kanak-kanak di penduduk kampung ini dengan menayangkan beberapa cerita kartun seperti upin – ipin agar kanak-kanak di sini dapat merasai bagaimana menonton cerita kartun dan pada masa yang sama kami juga mengagihkan makanan seperti keropok agar mereka kenyang sambil menonton wayang pacak tersebut.

Pada hari kedua pula, kami semakin serius dalam mempersiapkan diri kami sebagai

sukarelawan di sini agar semuanya berjalan dengan lancar. Antara aktiviti yang di jalankan pada hari kedua ini adalah, sukarelawan lelaki akan mengikuti kursus korban yang di sampaikan oleh Imam Muda Nazrul manakala sukarelawan perempuan pula akan mengumpulkan kesemua barang dan packing barang-barang seperti menyukat gula pada kadar yang di ditetapkan, membungkus makanan-makanan sardin, mee ke dalam plastik dan sebagainya. Setelah tiba keesokkan harinya, kami menyambut hari raya aidil adha di masjid Tralarch, Wilayah Kampung Chnang. Hati ini sayu bila mendengar takbir raya, akan tetapi saya rasa bersyukur kerana memperolehi pengalaman sebegini kerana pengalaman ini sukar diperolehi sekiranya menimba ilmu di dewan kuliah semata-mata.

Setelah selesai solat hari raya aidil adha, kami para sukarelawan terus bergerak pantas dan mengagihkan tugas seperti yang dirancang. Sukarelawan lelaki akan menguruskan dalam pembahagian lembu dan sesi menyembelih lembu di situ. Manakala yang perempuan akan menjalankan aktiviti seperti mengagihkan sumbangan, mengadakan sukaneka, melukis dan sebagainya untuk memeriahkan suasana di sana. Untuk hari seterusnya dan mendatang kami terus mengagihkan sumbangan sehinggalah amanah yang kami pikul ini selesai dengan jayanya. Kami bertolak pulang ke Malaysia pada 25 Ogos 2018 dengan harapan agar misi ini dapat membantu meringankan beban mereka walaupun sumbangan yang kami cari ini mungkin tidak mencukupi seperti yang di diharapkan. Akhir kata daripada saya, selain melakukan kerja-kerja amal, misi ini dapat mengasah bakat kepimpinan serta kesabaran dalam menjayakan sesuatu program sukarelawan apabila memikul tanggungjawab dalam masyarakat.

“Pengalaman demi pengalaman amat diperlukan semasa dialam kampus ini demi mencabar potensi diri ke arah maksima” – (Syakir)



SIAPA NISHA AYUB?

Disediakan oleh: Sahabat Yadim UMT

Mengikut kronologi masa berkenaan Lesbian Gay Bisexual Transgender (LGBT) yang tidak asing lagi di Malaysia ini, tahukah anda pada tahun 1994, kerajaan Malaysia melarang sesiapa sahaja yang menjalinkan hubungan homoseksual muncul di media massa. Pada tahun 2001 pula, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa negara akan mengusir setiap menteri kabinet asing atau diplomat yang menjalinkan hubungan gay. Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad juga memberi amaran kepada menteri yang menjalinkan hubungan sejenis dari negara-negara asing untuk tidak membawa pasangan mereka saat mengunjungi negara ini. Namun, anak perempuan Mahathir, Datin Paduka Marina Mahathir menyatakan pendapat supaya masyarakat LGBT diberi hak yang sama rata seperti individu lain. Beliau memberi pendapat sedemikian ketika mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa yang mengatakan bahawa LGBT tidak seharusnya didiskriminasikan di Malaysia.



Datin Paduka Marina Mahathir

Disebabkan oleh kenyataan di atas, maka bermulalah era penuntutan hak secara agresif daripada golongan LGBT ini. Salah seorang aktivis Malaysia, Nisha Ayub dengan lantang memperjuangkan hak bagi golongan makyah yang lebih dikenali sebagai “transwoman” atau “transgender” untuk mendapatkan hak yang sama rata seperti individu lain. Pada peringkat permulaannya, Nisha Ayub bukanlah memperjuangkan isu LGBT, tetapi lebih kepada golongan transgender seperti dirinya. Nisha bertindak sedemikian atas sebab isu LGBT sedang dipolitikkan di Malaysia dan banyak menerima pandangan negatif dalam masyarakat. Dan tahukah anda segelintir masyarakat sudah menerima golongan ini secara terbuka?

Hal ini kerana, perjuangan Nisha Ayub pada mulanya tidak mendapat sambutan di Malaysia namun mendapat sambutan di Amerika Syarikat. Nisha berasa lebih dihargai di sana berbanding Malaysia sehinggakan terdapat satu sambutan yang diberi nama bersempena namanya iaitu Hari Nisha Ayub. Amerika Syarikat telah memberi satu platform bagi memudahkan Nisha Ayub meneruskan perjuangan transgender malahan, dia diberi penghargaan dengan Pingat Keberanian Wanita Antarabangsa 2016 di sana.



Nisha Ayub ketika menerima anugerah Pingat Keberanian Wanita Antarabangsa 2016 oleh Setiausaha Dalam Negeri Amerika Syarikat, John Kerry di Washington DC pada 29 Mac 2016

Sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung tinggi perlembagaan negara yang menyatakan bahawa agama Islam sebagai Agama Persekutuan, logikkah perjuangan ini diterima? Menurut ajaran Islam seperti yang telah dinyatakan dalam Al-Quran surah Al-A'raf ayat 80-81 yang bermaksud: "Kami juga telah mengutuskan Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala Dia berkata kepada mereka, "Mengapa kalian mengerjakan perbuatan fahisyah yang belum pernah dikerjakan oleh seorangpun (di dunia ini) sebelum kalian? Sesungguhnya kalian mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kalian ini adalah kaum yang melampaui batas."

وَلَوْ طَآءَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ
 الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ
 بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾

Fahisyah di sini bererti perkara-perkara keji dan buruk dari sudut pandangan agama dan masyarakat seperti mencuri, membunuh, melakukan sesuatu yang menyusahkan orang dan sebagainya. Apakah tindakan kita sebagai rakyat Malaysia? Menyokong atau membantah? Sesungguhnya Nabi khawatirkan umatnya meniru perbuatan kaum Nabi Luth seperti dalam hadis Riwayat Ahmad, Tirmidzi, Ibnu Majah, Abu Ya'la, Hakim dan Bayhaqi yang bermaksud: "Sesungguhnya perkara yang paling aku takutkan terjadi pada umatku adalah perbuatan seperti kaum Nabi Luth".

Tepuk dada, tanya iman. Demi Malaysia Baharu yang kita dambakan!!!



OFFICIALMPPUMT

Ikuti media sosial kami
untuk mengetahui
program Speaker's Corner dengan lebih lanjut.

Speaker's CORNER

**Speaker's
CORNER**

MALAYSIA & LGBT
YES OR NO?

📍 KKSAM 📅 28 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT) 🕒 9 MALAM

MERIT MYSTAR DISEDIAKAN

ANJURAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA
PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN KAUNSELING PELAJAR (PPHKP), HEPA

📱 OFFICIALMPPUMT
Revolusi Mahasiswa, Tunjang Perpaduan

**Speaker's
CORNER**

KHAMIS
11 OKTOBER 2018
9.00 MALAM

MERIT MYSTAR
DISEDIAKAN

MENGUNDI PADA UMUR 18 TAHUN
BELEWAN ATAU TIDAK ?

ANJURAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA
PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN KAUNSELING PELAJAR (PPHKP), HEPA

📱 OFFICIALMPPUMT
Revolusi Mahasiswa, Tunjang Perpaduan

**Speaker's
CORNER 3.0**

TUESDAY
16 OKTOBER 2018
9.00 PM
KOLEJ SISWA ABDUL
RAHMAN LIMBONG CAFE

MERIT MYSTAR
PROVIDED

BANNING STRAW

ANJURAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA
PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN KAUNSELING PELAJAR (PPHKP), HEPA

📱 OFFICIALMPPUMT
Revolusi Mahasiswa, Tunjang Perpaduan

**Speaker's
CORNER 4.0**




JUMAAT
19 OKTOBER 2018
8.00 PAGI
STADIUM GONG BADAK

5 TEMA INFO UTAMA
DALAM BICARA KHAS RTM
BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN

ANJURAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA
PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN KAUNSELING PELAJAR (PPHKP), HEPA
Majlis Pelajar Luar Kampus (MPLK)

📱 OFFICIALMPPUMT
Revolusi Mahasiswa, Tunjang Perpaduan



  
@UMTCREW

DAFTARKAN DIRI ANDA SEGERA DI UMT CREW


KEBAIKAN LOMPAT TALII

**MENAMBAH
KETINGGIAN
BADAN**

**MENGUATKAN
OTOT**

**MENCEGAH
OSTEOPOROSIS**

**MENURUNKAN
BERAT
BADAN**



ADAB MENUNTUT menurut **ILMU** i mam **A-G** hazali



Jangan
menuntut ilmu
kerana mencari
kemegahan
dan terkemuka.

Jangan
menuntut ilmu
kerana mahu
menarik
perhatian
orang ramai.

Jangan
menuntut ilmu
untuk mencari
kekayaan dunia.



LIKE AND FOLLOW US ON



**penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt**